

03/04/2001

Fauzi akan hantar salinan surat letak jawatan kepada Speaker DUN

KUANTAN, Isnin - Ketua Umno bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman berkata, beliau akan menghantar segera salinan surat peletakan jawatannya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah kepada Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang, sebaik Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, menerima peletakan jawatannya itu.

Namun, katanya, setakat ini tiada sebarang keputusan mengenainya dikeluarkan oleh Adnan.

"Jika hari ini Adnan menyatakan beliau menerima permohonan peletakan jawatan saya sebagai Adun Beserah, maka hari ini juga saya akan menghantar salinan surat untuk mengosongkan kerusi Beserah kepada Speaker DUN Pahang, Datuk Wan Mohd Razali Wan Mahussin.

"Sebenarnya, saya mendahulukan parti dalam membuat keputusan. Sebab itu, saya menghantar surat letak jawatan itu kepada Menteri Besar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, dan bukannya kepada Speaker DUN.

"Biarlah Adnan membuat ketentuan sama ada menerima atau sebaliknya permohonan saya itu. Saya akur dengan segala keputusannya kelak," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Mengulas tindakannya seolah-olah 'membuka pekung di dada,' Fauzi berkata, perkara itu terpulang kepada tafsiran masing-masing.

"Saya tak ambil pusing apa orang nak kata. Yang penting sekarang, kita bagi peluang kepada Lembaga Disiplin Umno menjalankan siasatan terhadap apa yang saya katakan, sama ada benar berlaku atau tidak.

"Bagaimanapun, saya menghormati pandangan Sultan Pahang, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung isu ini," katanya.

Mengenai laporan polisnya berhubung penyelewengan yang didakwa dilakukan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob ketika menjadi Menteri Besar, beliau berkata, ia hanya diketahuinya selepas menjadi Adun.

"Ketika menyertai kerajaan negeri, saya bertanya berhubung hasil negeri daripada pembalakan dan dari situ, saya mendapat maklumat berhubung konsesi balak yang sudah diagihkan.

"Selain itu, banyak permohonan tanah yang dikemukakan rakyat, sudah diberi kepada pihak lain tanpa memaklumkan perkara itu kepada rakyat, menyebabkan mereka masih menunggu selama beberapa tahun.

"Keadaan ini saya rasa tidak adil kepada rakyat. Apa salahnya jika dimaklumkan bahawa tanah yang dipohon itu sudah tiada dan menggantikannya dengan kawasan lain," katanya.

(END)